

05 JUL 2001

Mahathir-Sedih

MAHATHIR SEDIH KEMATIAN NURUL HANIS

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa sedih terhadap kematian seorang pelajar perempuan, mangsa rogol dan bunuh, di Melaka Selasa lepas.

"Saya berasa sedih dengan banyak sangat kes-kes semacam ini sekarang ini," katanya.

Nurul Hanis Kamil, seorang pelajar tingkatan empat, ditemui mati selepas dirogol dalam belukar berhampiran rumahnya di Serkam Darat, Merlimau. Sebuah akhbar hari ini melaporkan bahawa seorang remaja lelaki ditahan berhubung kes itu tetapi polis tidak mengesahkannya.

Perdana Menteri berkata perbuatan penjenayah ini mungkin berpunca daripada kebebasan kehidupan masyarakat sekarang terutama golongan muda.

Katanya berbanding zaman dahulu, pergerakan anak-anak kini sukar dikawal.

"Kita dapati bahawa masyarakat sekarang ini agak terlalu bebas. Dulu, kita lebih dikawal oleh ibubapa tetapi sekarang ini, kita dapati semuanya bebas. Apa dia buat pun kadang-kadang ibubapa atau guru tak tahu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri dialog bersama peserta Konvensyen Sains 2001 di Seri Kembangan.

"Moral sekarang ini saya nampak sudah runtuh, nampak tidak baik seperti dulu," katanya.

Terdahulu, pada sesi dialog berkenaan, Dr Mahathir menyatakan kesal kerana kebanyakan kes jenayah dan gejala sosial melibatkan orang Melayu.

"Tak pergi sekolah, tak hadir kuliah, jenayah, dadah...saya tak tahu kenapa," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata ini mungkin boleh diatasi jika penerapan nilai-nilai murni diberikan penekanan dalam kurikulum agama di sekolah.

Katanya seseorang itu boleh menahan diri daripada terjebak dengan kegiatan yang tidak diinginkan dengan berusaha membina kekuatan dalaman.

"Kalau seseorang itu bangunkan semangat dan peribadi yang cukup kuat, dia sendiri akan dapat menahan dirinya (daripada melakukan perbuatan buruk)," katanya.

Sementara itu, Pejabat Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil turut menyatakan rasa sedih dengan tragedi yang menimpa Nurul Hanis dan merayu tindakan tegas dan pantas diambil oleh pihak berkuasa bagi memastikan orang yang bertanggungjawab melakukan jenayah keji itu dibawa ke pengadilan.

Dalam satu kenyataan hari ini, Pejabat Menteri itu meminta supaya hukuman yang setimpal dengan jenayah itu dilaksanakan demi keadilan dan keselamatan rakyat.

"Kita tidak boleh membenarkan tragedi seperti ini berterusan. Akhbar hampir setiap hari melaporkan tentang kes anak gadis kita dirogol, sama ada oleh orang yang tidak dikenali atau oleh orang yang mereka kenali," kata kenyataan itu.

Orang ramai tidak sepatutnya membenarkan atau menerima hakikat itu sebagai satu kebiasaan dalam masyarakat.

"Langkah-langkah tegas perlu diambil oleh setiap ahli masyarakat untuk memastikan keselamatan anak-anak kita sentiasa terjamin. Kesejahteraan dan keselamatan mereka adalah tanggungjawab kita bersama," kata kenyataan itu.

Anggota masyarakat juga diminta berwaspada dengan kehadiran orang yang tidak dikenali dan disyaki di kawasan mereka sementara pihak berkuasa khasnya polis perlu memandang serius laporan dan aduan orang ramai mengenai

perkara itu.
-- BERNAMA
AFY AFY NAK